

25 JUN 2003

Koh-Khidmat

CONTOHI SEMANGAT KERJA DR MAHATHIR DALAM MEMBERI KHIDMAT

KEPALA BATAS, 25 Jun (Bernama) -- Anggota parti komponen Barisan Nasional (BN) khususnya Gerakan perlu mencontohi semangat kerja Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang masih giat menyumbang bakti kepada negara walaupun akan bersara Oktober ini.

Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon berkata, walaupun tarikh persaraan Perdana Menteri telah ditetapkan namun beliau masih terus bersemangat tinggi untuk berkhidmat dan tidak berhenti bekerja.

"Contohi semangat dan sikap pemimpin negara yang sentiasa bertungkus lumus untuk kesejahteraan masyarakat pelbagai kaum di negara ini," katanya semasa merasmikan persidangan perwakilan parti Gerakan Bahagian Kepala Batas di sini malam tadi.

"Bagi Dr Mahathir, proses perjuangannya masih belum selesai untuk menjamin masyarakat Malaysia hidup dalam suasana aman, stabil, bersatupadu dan maju," kata Dr Koh yang juga Naib Presiden Gerakan.

Beliau juga meminta semua anggota BN memberi sokongan dan kerjasama kepada pengganti Dr Mahathir, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Anggota BN mesti memainkan peranan positif bagi membantu menyaksikan peralihan kuasa yang bersejarah itu berjalan lancar," katanya.

Dr Koh juga berkata beliau akan memastikan pembangunan di Pulau Pinang berjalan seimbang di semua daerah dengan mengadakan pusat pentadbiran di setiap daerah yang mempunyai pelbagai kemudahan untuk masyarakat setempat selain kegiatan ekonomi.

Kerajaan menumpukan proses pembangunan itu di kawasan pusat pertumbuhan baru bagi menjana pertumbuhan.

"Usaha itu tidak mungkin dapat direalisasikan dalam tempoh yang singkat kerana untuk mencapai pembangunan seimbang ia merupakan satu cabaran yang bukan mudah," katanya.

Usaha itu dibuat berperingkat-peringkat bermula di Georgetown pada 1970-an sebelum diperluaskan ke Bayan Lepas, daerah Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Selatan dan Seberang Perai Utara sejak 1990-an.

Dr Koh juga berkata pelbagai program telah dan sedang diatur termasuk mengadakan Kem Kesihatan di Kepala Batas pada Sept depan yang menggabungkan kerjasama kesemua anggota parti komponen BN.

-- BERNAMA

NH ZS BK PR